



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI



POWERING
MALAYSIAN
SMEs

KENYATAAN MEDIA

INSKEN DAN CGC MALAYSIA METERAI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN DALAM PELAKSANAAN PROGRAM LATIHAN & BIMBINGAN

KUALA LUMPUR, 29 MEI 2025 – Institut Keusahawanan Negara Berhad (INSKEN) menjalankan kolaborasi strategik menerusi Memorandum Persefahaman dalam pelaksanaan program latihan dan bimbingan bersama Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC Malaysia) untuk memperkasa perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) di Malaysia.

Objektif utama kerjasama ini bertujuan untuk meningkatkan keupayaan dan daya saing PMKS, di samping memastikan manfaat dikecapai bersama melalui usaha kedua-dua pihak. Di samping itu, kerjasama ini juga bakal menyediakan bimbingan perniagaan berstruktur dan direka khusus untuk PMKS bagi memperbaiki strategi perniagaan, melancarkan operasi, dan meningkatkan prestasi keseluruhan.

Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah INSKEN, Tuan Haji Mustaffa Kamil Ayub berkata, INSKEN sentiasa mengalu-alukan kerjasama merentas agensi dan kementerian bagi memperkuuh ekosistem keusahawanan negara. Kolaborasi sebegini penting untuk memastikan program latihan dan bimbingan yang ditawarkan lebih menyeluruh dan menepati keperluan sebenar PMKS.

Beliau turut berharap agar lebih banyak agensi tampil menjalin kerjasama strategik dalam usaha memperkasakan PMKS di seluruh negara, sekaligus meningkatkan daya saing dan ketahanan usahawan tempatan.

Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif CGC Malaysia, Datuk Mohd Zamree Mohd Ishak berkata, "MoU ini menandakan langkah strategik dalam memperkuat peranan PMKS Malaysia sebagai penggerak utama pertumbuhan ekonomi negara. Kerjasama ini akan membuka lebih banyak ruang dan peluang kepada pembangunan kapasiti yang lebih tersasar, tersusun dan efektif – selari dengan aspirasi nasional dalam mempertingkatkan daya saing dan kelestarian PMKS Malaysia.

Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman ini diwakili oleh Pengurus Lembaga Pemegang Amanah INSKEN, Tuan Haji Mustaffa Kamil Ayub, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif INSKEN, Dr Maizura Mohamad, Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif CGC Malaysia, Datuk Mohd Zamree Mohd Ishak, dan Ketua Pegawai Sumber Manusia CGC Malaysia, Encik Nazral Safril Mohamad Sapari.

-TAMAT-

Mengenai INSKEN

INSKEN merupakan sebuah agensi di bawah naungan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) yang menawarkan inisiatif pembangunan kapasiti usahawan melalui program latihan dan bimbingan. Selaras dengan tagline "Membangun Usahawan MADANI" INSKEN berwawasan untuk memantapkan perniagaan usahawan yang berdaya maju, lestari, mapan di samping merealisasikan serta mengukuhkan lagi ekosistem keusahawanan negara. Maklumat lanjut mengenai program latihan keusahawanan anjuran Institut Keusahawanan Negara Berhad boleh didapati melalui laman web rasmi INSKEN di www.insken.gov.my.

Sebarang pertanyaan mengenai media, sila hubungi Puan Nina Kamalia (Ketua Jabatan Pemasaran dan Perhubungan Awam) di 03-83148861 atau Puan Atiqah (Eksekutif Kanan Jabatan Pemasaran dan Perhubungan Awam) di 03-83148832.

Mengenai CGC

Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC) ditubuhkan pada 5 Julai 1972. CGC dimiliki sebanyak 78.65% oleh Bank Negara Malaysia dan 21.35% oleh bank-bank perdagangan di Malaysia. CGC bertujuan untuk membantu Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) yang tidak mempunyai cagaran mencukupi atau rekod prestasi untuk mendapatkan kemudahan kredit daripada institusi kewangan dengan menyediakan jaminan ke atas kemudahan tersebut. Sehingga April 2025, CGC telah menyediakan lebih daripada 540,000 jaminan dan pembiayaan kepada PMKS bernilai lebih RM100 bilion sejak penubuhannya.

Pada 9 Februari 2018, CGC telah memperkenalkan *imSME*, platform rujukan pembiayaan/pinjaman PMKS dalam talian yang pertama di Malaysia. *imSME* berperanan sebagai saluran alternatif bagi PMKS untuk mendapatkan produk pembiayaan, sekali gus menjimatkan masa dan mengurangkan kerumitan proses permohonan. Sejak dilancarkan, portal *imSME* telah menerima lebih daripada 2.9 juta kunjungan, dengan lebih daripada 86,000 PMKS berdaftar di portal tersebut. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.cgc.com.my dan <https://imsme.com.my/>.

**JABATAN PEMASARAN DAN PERHUBUNGAN AWAM
INSTITUT KEUSAHAWANAN NEGARA BERHAD
29 MEI 2025**